

UJUB

Sifat ujub berkait rapat dengan takabbur dan riya'. Ujub bermaksud berasa hairan dengan keistimewaan dan kelebihan diri sendiri. Ianya berkait dengan kelebihan dari segi kecantikan, kepandaian, kekayaan dan lain-lain.

UJUB PENGHANCUR SEGALA AMAL KEBAIKAN

Oleh : Imron Mahmud

Banyak nasihat dari para ulama' yang mengingatkan kita supaya berhati-hati dari sifat gila pujian. Para ulama' terdahulu sangat berhati-hati dan menjauhkan diri dari sifat "ujub" (sifat berbangga diri). Ubaidillah bin Abu Ja'far Al-Mishri, seorang ulama' ahli hadith yang mentakhrij kitab-kitab hadith Kutubus Sittah dan seorang ahli hikmah, yang tutur katanya penuh dengan mutiara ilmu dan hikmah, pernah memberi nasihat kepada murid beliau;

إذا جلست في مجلس فتحدثت فأعجبت بذلك فأمسك وإذا كنت في مجلس وسكت فأعجبت بذلك يعني بالسكوت فتحدث ، يعني انظر إلى نفسك خالفها

"Jika engkau duduk di suatu majlis lalu engkau berbicara kemudian engkau berasa bangga dengan hal itu, maka tahanlah. Dan jika engkau berada di suatu majlis dan engkau diam lalu engkau berasa bangga dengan diammu itu, maka berbicaralah. Lihat dan perhatikan hawa nafsumu dan selisihilah!". (dalam "Tahdzibil Kamal fii Asmaa-i Ar-Rijaa'l")

Seseorang yang kagum dengan diri sendiri (ujub) menunjukkan lemah akalnya. Ketika seseorang kagum pada diri sendiri, gila sanjungan dan cintakan kemasyhuran, dia sedang membinasakan dirinya sendiri. Imam Ibnu Abdul Barr rahimahullah pernah berkata dalam kitabnya "Jami'ul Bayanil 'Ilmi wa Fadhlil"i;

العجب يهدم المحاسن كلها

"Ujub itu menghancurkan segala kebaikan".

Diriwayatkan ada beberapa orang pengumpul dan perawi hadith yang rosak dan hilang hafalan hadith-hadith disebabkan ada sifat ujub di dalam diri mereka. Hal ini sudah tentu merupakan musibah besar bagi diri dan agama seseorang.

Pernah disebutkan kisah tentang seorang perawi hadith bernama Ahmad bin Kamil Al-Baghdadi. Imam Daruquthni mengatakan bahawa dia adalah seorang yang memiliki banyak catatan dan hafalan hadith malah dia lebih fasih menyampaikan hadith secara hafalan daripada melihat catatan. Namun semua itu hilang dan rosak disebabkan sifat ujubnya.

Tentang Ahmad bin Kamil Al-Baghdadi ini, Imam Ad-Dzahabi menceritakan di dalam kitab beliau "Siyar A'lamin Nubala", "Ia adalah seorang yang memiliki keluasan ilmu, namun ilmu yang ia miliki hilang dengan sifat ujubnya".

Imam Malik rahimahullah mengatakan,

إذا ذهب الرجل يمدح نفسه ذهب بهاءه

"Bila seseorang pergi dalam keadaan memuji diri sendiri maka lenyaplah harga dirinya".

Semoga kita dihindarkan dari sifat ujub dan berbangga dengan diri sendiri kerana hal itu akan melenyapkan semua amal kebaikan kita.

Disaring dari – <https://www.fiqhislam.com/agenda/syariah-akidah-akhlak-ibadah/108757-ujub-penghancur-segala-amal-kebaikan>